

## → PENDIDIKAN

# UMP Advanced tawar program pembelajaran sepanjang hayat

[FOTOFARIZUL HAFIZ AWANG/BH]



Rosilavi menunjukkan peta 30 pusat pembelajaran UMP Advanced di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak ketika ditemui di Gambang, semalam.

● Pelajar boleh terus ke 30 pusat pengajian berhampiran tanpa perlu ke kampus utama di Pahang

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

UMP Advanced, anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperluaskan perniagaannya menerusi penawaran program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di 30 pusat pembelajarannya di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran UMP Advanced, Rosilavi Mat Jusoh, berkata pihaknya menawarkan 39

program PSH merangkumi peringkat sijil dan diploma profesional serta ijazah sarjana muda dan sarjana eksekutif.

Beliau berkata, ia meliputi bidang seperti teknologi industri petroleum dan gas, teknologi kejuruteraan mekatronik, elektronik, automotif, perladangan dan pengurusan operasi industri serta pengurusan teknologi.

"Menerusi 30 pusat pembelajaran ini, pelajar yang ingin mengikuti program UMP Advanced PSH tidak perlu lagi ke kampus UMP di Pahang, sebaliknya boleh terus ke pusat pembelajaran di kawasan berhampiran mereka.

"Pada mula penubuhan UMP Advanced yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED), hanya ada tiga pusat pembelajaran, iaitu di Kuantan, Seremban dan Bangsar di Kuala Lumpur.

### Permintaan meningkat

"Namun disebabkan permintaan yang meningkat, kita buka pusat pembelajaran baharu di seluruh negara yang dikendalikan rakan strategik kita," katanya ketika ditemui di pejabat UMP Advanced di Gambang, semalam.

Rosilavi berkata, inisiatif itu di-

lihat sebagai satu daripada strategi memperkenalkan jenama UMP Advanced ke seluruh negara sebagai peneraju PSH di samping menyokong usaha kerajaan memperkasakan agenda berkenaan kepada semua lapisan masyarakat.

Katanya, UMP Advanced yang ditubuhkan pada 2004 dengan nama CENFED, sudah berkembang dan memperkenalkan beberapa lagi program berbentuk PSH dan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Selain membantu memacu pertumbuhan ekonomi dalam pembangunan modal insan dan melahirkan masyarakat berpendapa-

tan tinggi, UMP Advanced juga mengembangkan penawaran program yang lebih memenuhi keperluan semasa industri.

"Program yang ditawarkan adalah Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa bagi golongan bekerja, Ijazah Sarjana Muda Kemasukan Khas ambilan Februari tahun depan bagi lepasan TVET serta program profesional dan eksekutif bagi golongan industri.

"Selain itu, program pembangunan sosio ekonomi bagi masyarakat dan kursus bagi meningkatkan kemahiran (up-skilling) serta melatih semula (re-skilling) untuk pekerja industri," katanya.